



PRESS RELEASE
DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS
MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY

***DCCA advises ethical sales
in Brunei Salebration 2020 inspections***

Date: 29 December 2020

1. Brunei Salebration 2020 (BSb 2020), a national sales event initiated by the Department of Competition and Consumer Affairs (DCCA) under the Department of Economic Planning and Statistics, has received overwhelming support from the business community with 481 retail stores participating across all sectors. Sectors with the highest participating stores are house furnishings, electrical and electronics, hardware stores, clothing & footwear, and retail shops, department stores & supermarkets.
2. In safeguarding consumer welfare, the DCCA has been conducting inspections on participating stores to ensure compliance to the Sales Regulations. According to the Sales Regulations, discounts for an item during sales must be based on the lowest price offered or sold in the last 30 days, before the start of BSb 2020. This includes prices and discounts that were verbally agreed upon between buyer and seller when the transaction is made.

3. The above regulation serves to ensure consumers are not misled into having a false sense of saving by businesses that base their discounts on inflated 'previous prices' or make false claims regarding the 'previous price' prior to the sales period. Failing to produce information to prove valid discounts or falsifying discount pricing to mislead consumers is an offense under the Consumer Protection (Fair Trading) Order and the Sales Regulations, which carries a maximum penalty of a \$20,000 fine and imprisonment for 5 years.
4. Businesses are therefore encouraged to ensure compliance by using bona fide 'previous prices' as a basis for their discounts so consumers are able to fairly compare before and after prices and make an informed purchase decision.
5. While the DCCA will continue to conduct routine inspections, the public is advised to be the eyes and ears in providing feedback to the DCCA if they suspect any unfair business conduct. For any queries, feedback or complaints on BSb 2020 or consumer protection law in general, the public can reach the DCCA at Talian Darussalam 123, through the PenggunaBijak mobile app or via email to consumercomplaint@jpes.gov.bn.
6. The DCCA thanks businesses participating in BSb 2020 for supporting the national agenda and upholding good ethics in conducting business in order to build consumer confidence and promote domestic consumption in a sustainable manner, which will benefit the country's long-term economic growth.

Department of Competition and Consumer Affairs
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy



SIARAN MEDIA
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

**JPHEP menyarankan peniaga untuk menjalankan aktiviti jualan yang beretika
semasa pemeriksaan *Brunei Salebration 2020***

Tarikh: 29 Disember 2020

1. *Brunei Salebration 2020* (BSb 2020), acara jualan kebangsaan yang dianjurkan oleh Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna (JPHEP) di Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik telah mendapat sokongan yang memberangsangkan daripada para peniaga dengan penyertaan sebanyak 481 buah premis perniagaan dari pelbagai sektor perniagaan. Sektor perniagaan dengan penyertaan tertinggi adalah dari kalangan peniaga perabot rumah, barangan elektrik dan elektronik, alat perkakas, pakaian dan kasut, serta gedung-gedung pasar raya.
2. Dalam menjaga kesejahteraan pengguna, pihak JPHEP telah menjalankan pemeriksaan sejak BSb 2020 dimulakan bagi memastikan kepatuhan terhadap Peraturan Acara Harga Jualan Murah. Peraturan tersebut menyatakan bahawa tawaran diskaun semasa acara jualan hendaklah berdasarkan harga terendah yang ditawarkan semasa 30 hari terakhir sebelum BSb 2020 bermula. Ini termasuk juga harga dan tawaran diskaun yang diberikan secara lisan semasa transaksi dibuat di antara peniaga dan pengguna.

3. Peraturan berkenaan bertujuan bagi memastikan pengguna tidak diperdaya oleh peniaga dengan penjimatan palsu berdasarkan 'harga sebelum' yang telah dinaikkan atau dengan membuat kenyataan palsu mengenai 'harga sebelum' acara jualan. Kegagalan dalam memberikan maklumat sokongan bagi mengesahkan ketulenan tawaran diskaun atau memberikan maklumat palsu mengenai harga diskaun dengan tujuan mengelirukan pengguna adalah menjadi satu kesalahan di bawah Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dan Peraturan Acara Harga Jualan Murah, yang membawa denda maksimum sebanyak \$20,000 dan penjara selama 5 tahun.
4. Oleh itu, para peniaga hendaklah mematuhi Peraturan berkenaan dengan menggunakan 'harga sebelum' yang sah sebagai asas kepada harga diskaun yang ditawarkan bagi membolehkan para pengguna membuat perbandingan harga sebelum dan harga selepas secara adil dan telus dan seterusnya membuat keputusan pembelian yang tepat.
5. Selain daripada usaha JPHEP menjalankan pemeriksaan secara berterusan, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk menjadi mata dan telinga dengan memberikan maklumat kepada pihak JPHEP sekiranya mengesyaki sebarang amalan perniagaan yang tidak wajar. Sebarang soalan, maklum balas atau aduan mengenai BSb 2020 atau perlindungan pengguna secara amnya, orang ramai boleh menghubungi pihak JPHEP melalui Talian Darussalam 123, aplikasi mudah alih PenggunaBijak atau emel di aduanpengguna@jpes.gov.bn.
6. Di kesempatan ini, pihak JPHEP juga mengucapkan terima kasih kepada para peniaga yang menyertai BSb2020 dalam usaha menyokong agenda kebangsaan dan menegakkan etika yang baik semasa menjalankan perniagaan dalam membina keyakinan pengguna dan mempromosikan penggunaan domestik yang berdaya tahan, yang akhirnya juga akan memberi manfaat ke arah pertumbuhan ekonomi pada jangka masa panjang.

*Jabatan Persaingan dan Hal Ehwal Pengguna
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi*

**SELECTION OF IMAGES SHOWING DCCA
CONDUCTING SALES INSPECTIONS**

**BEBERAPA IMEJ MEMAPARKAN JPHEP
KETIKA MENJALANKAN PEMERIKSAAN JUALAN**





